

PENDIDIKAN KERJA SOSIAL DI MALAYSIA: SATU PENILAIAN KRITIKAL

Muhd Dhamir Audi Azizul^{*}, Samir Muhazzab Amin

Universiti Putra Malaysia
43400 UPM Serdang, Selangor Darul Ehsan, Malaysia

*Corresponding author: amir_audi91@yahoo.com

Received: 17 July 2019
Received in revised form: 2 Oktober 2019
Accepted: 16 December 2019
Published : 28 December 2019

Abstrak

Isu terkini dalam bidang kerja sosial wajar diberikan tumpuan sebagai langkah check and balance kesan daripada kewujudan program pendidikan kerja sosial di Malaysia. Oleh itu, artikel ini membincangkan tentang konsep sebenar, dan rangkaian isu kritikal dalam profesion kerja sosial di Malaysia serta cadangan dalam memperkasakan bidang kerja sosial di Malaysia. Antara isu utama yang telah disentuh oleh penulis adalah ketiadaan piawaian pendidikan kerja sosial, ketiadaan akta kerja sosial, ketiadaan jawatan sebagai pekerja sosial, isu pendidikan kerja sosial di universiti awam, dan isu kompetensi graduan kerja sosial. Manakala rangkaian alternatif seperti penubuhan Joint Consultative Council on Social Work Education (JCCSWE), penubuhan akta kerja sosial, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia memperkenalkan jawatan pekerja sosial, penyelarasan kurikulum pendidikan kerja sosial yang seragam, dan penjenamaan semula (rebranding) modul soft skill terhadap pelajar turut dinyatakan. Pelbagai pihak seperti pendidik, pentadbir, penggubal polisi, dan pengamal kerja sosial perlu mencipta kolaborasi yang erat dalam memperkasakan bidang kerja sosial di Malaysia.

Keywords: Kerja Sosial, Piawaian Kerja Sosial, Pendidikan Kerja Sosial, Akta Kerja Sosial

Abstract

The current issue in social work sought to understand commercially as a check and balance process from the establishment of social work education programs in Malaysia. Therefore, this article discussing the real concepts, mentioning several critical issues in the social work profession, and suggesting potential alternative to empowering social work in Malaysia. Numerous key issue were mentioned such as the absence of social work education standards, no social work act, no social work job position, weaknesses of social work education in public universities, and competency issues among social work graduates. Then, some resolutions were added by the author to overcome this critical issues such as the establishment of the Joint Consultative Council on Social Work Education (JCCSWE), the establishment of a social work act, Public Service Commission of Malaysia introducing social worker position, standardized social work curriculum in university, and rebranding of soft skills modules for students. This paper suggest educators, administrators, policy makers, and social work practitioners can play an essential role in raising awareness to empowering social work profession in Malaysia

Keywords: Social Work, Social Work Standards, Social Work Education, Social Work Act

© 2019 Penerbit UTM Press. All rights reserved

1.0 LATAR BELAKANG KAJIAN

Mutakhir kini, dalam kehidupan masyarakat dunia terdapat pelbagai gejala sosial yang kian berleluasa. Bahkan setiap gejala sosial yang terjadi menunjukkan peratusan yang meningkat daripada tahun ke tahun. Menerusi kajian yang dijalankan oleh Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia pada 2016, lebih 60 % salah laku sosial di negara ini berkaitan dengan isu penyalahgunaan dadah dan bahan terlarang. Berpandukan statistik daripada kes jenayah indeks di Malaysia pada tahun 2016, terdapat 112,354 jumlah kes jenayah indeks yang terdiri daripada 90,028 kes jenayah harta benda, 48,411 kes jenayah kecurian kenderaan, dan 17,333 kes jenayah jalanan. Catatan perangkaan kes jenayah ini mengundang kebimbangan masyarakat dan memerlukan satu pendekatan serta intervensi efektif bagi mengelakkan gejala sosial dan jenayah daripada berleluasa. Oleh itu, kerja sosial merupakan satu perkhidmatan yang tepat sebagai teknik untuk mencegah segala kejahatan dan masalah sosial daripada berleluasa.

Profesion Kerja Sosial di Malaysia: Satu Penilaian Kritikal

Apakah definisi utama kerja sosial? Terdapat pelbagai definisi utama kerja sosial daripada pelbagai individu yang terdiri daripada pengamal, penggubal polisi, kakitangan akademik, dan pentadbir kerja sosial. Secara umumnya kerja sosial merupakan bidang profesion yang menumpukan kepada perkhidmatan manusia dalam mempertingkatkan kesejahteraan dan kualiti hidup (Saparin, 2014). Aspek kesejahteraan sosial di sini merujuk kepada dasar-dasar yang berkaitan dengan kesihatan, pendidikan, perumahan, dan pembangunan komuniti, atau lebih spesifik lagi sebagai perkhidmatan sosial (Syamsuddin & Azlinda, 2012). Daripada dua definisi tersebut, dapat disimpulkan bahawa kerja sosial adalah sebuah perkhidmatan yang membolehkan setiap individu berfungsi dengan baik di dalam masyarakat, pekerjaan, pergaulan, dan membantu serta melindungi masyarakat mengatasi segala permasalahan kesan daripada interaksi sosial yang kompleks. Oleh itu, sebagai seorang pekerja sosial yang dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan perkhidmatan di atas,

mereka seharusnya mempunyai pengetahuan berkenaan nilai, kemahiran, latihan, dan teknik tertentu bagi melindungi individu, keluarga, dan komuniti. Kerja sosial juga adalah profesion yang memberikan pertolongan dan bertujuan untuk meningkatkan kefungsi sosial individu, keluarga, dan komuniti bagi melaksanakan peranan-peranan sosialnya. Tambahan pula, seseorang pekerja sosial seharusnya memiliki pengetahuan, keterampilan, dan nilai-nilai pertolongan yang diperoleh melalui pendidikan akademik bagi memastikan perkhidmatan berkualiti dapat disampaikan. Kerja sosial di Malaysia masih lagi baharu dan profesion kerja sosial berpandukan nilai, prinsip, dan etika yang termaktub dalam perlembagaan dan budaya masyarakat.

Umumnya, terdapat pelbagai jenis profesion yang dikenali di dunia seperti profesion kedoktoran, undang-undang, pendidikan, dan lain-lain. Walaubagaimanapun, profesion kerja sosial juga mempunyai identitinya yang tersendiri daripada profesion-profesion yang lain. Penelitian terhadap profesion kerja sosial sangat penting kerana dapat memberikan kefahaman yang jelas kepada umum perbezaan di antara profesion kerja sosial dengan profesion yang lain. Identiti yang pertama adalah kerja sosial hanya menumpukan kepada perubahan yang menyeluruh kepada individu dan hubungan dengan persekitaran sosial. Hal ini bermaksud perkhidmatan kerja sosial tertumpu pada setiap tahap fasa kehidupan manusia semasa kanak-kanak, remaja, dewasa, dan warga tua sebagai contoh bagaimana seorang guru lelaki tidak berupaya untuk mencegah masalah ponteng kelas di sekolah beliau daripada menular. Identiti kedua adalah teknik menyelesaikan masalah atau kaedah intervensi dimulakan dengan menyelidik faktor keluarga dahulu kemudian komuniti setempat. Apabila faktor keluarga dan komuniti gagal untuk menyelesaikan masalah, maka masalah ini akan dirujuk kepada pihak luar. Proses intervensi kerja sosial menumpukan kepada kerja kes (*casework*), kerja kumpulan (*group work*), dan organisasi komuniti (*community organization*).

Contohnya, apabila terdapat banyak laporan berkenaan isu rogol maka pekerja sosial akan mengkaji dengan lengkap terhadap keluarga dan komuniti yang ada di sekitar rumah mangsa. Identiti ketiga adalah kerja sosial mempunyai seorang pekerja sosial yang akan menguruskan masalah yang dihadapi oleh seseorang individu tersebut bermula dari awal sehingga akhir masalah tersebut diselesaikan. Contohnya, seorang pekerja sosial akan menguruskan kes seorang bekas penagih yang dipulaukan oleh masyarakat sehingga bekas penagih tersebut diterima semula oleh masyarakat. Tambahan pula, individu atau klien boleh mencadangkan langkah terbaik bagi mengatasi segala permasalahan yang berlaku dan seterusnya akan dibimbing semaksimumnya oleh pekerja sosial dalam menyelesaikan permasalahan tersebut. Identiti yang terakhir adalah kerja sosial mempunyai badan profesional yang mengiktiraf pekerja sosial dan profesion kerja sosial ini seperti National Association of Social Worker (NASW) dan Council on Social Work Education (CSWE). Walaubagaimanapun, di Malaysia badan profesional ini masih berada dalam rangka pembentukan.

Aspek penjagaan, pemulihan, dan perubahan sebagai tujuan utama perkhidmatan sosial

Dalam memahami kaedah intervensi yang dilakukan oleh pekerja sosial, terdapat 3 jenis kaedah yang dilaksanakan iaitu intervensi penjagaan, pemulihan, dan perubahan (Aronson & Smith 2011; Bay 2011; Butler 2013; Dominelli 1996; Evetts 2013; Jones & Truell 2012; Robinson 2013; Smith 2003; West & Heath 2011).

Aspek penjagaan

Secara umumnya terdapat beberapa individu dan masyarakat yang mempunyai masalah di dalam kehidupan seharian mereka dalam pelbagai aspek seperti kewangan, kesihatan, dan sebagainya. Bantuan secara fizikal seperti kewangan merupakan bantuan yang diterima oleh keluarga atau masyarakat yang mempunyai masalah kewangan. Walaubagaimanapun, pemberian bantuan secara fizikal sahaja tidak berupaya untuk memberikan kualiti hidup yang baik kepada masyarakat tanpa memberikan penjagaan yang berterusan. Aspek penjagaan yang dimaksudkan adalah pekerja sosial bertindak sebagai individu yang menjaga keselamatan dan keselesaan klien mereka. Seseorang klien mempunyai masalah kesihatan yang kronik dan memerlukan penjagaan rapi yang berterusan. Oleh itu, tugas ini merupakan tanggungjawab utama pekerja sosial dalam memastikan klien mereka mendapat penjagaan yang rapi dan pada masa yang sama juga pekerja sosial merancang pelbagai jenis perkhidmatan lain untuk memastikan kualiti kehidupan klien mereka menjadi lebih baik. Contohnya seorang pekerja sosial menjaga seorang klien yang menghadapi penyakit kanser di rumahnya dan pada masa yang sama pekerja sosial tersebut berbincang dengan pihak perubatan untuk memudahkan proses rawatan penyakit tersebut dari semasa ke semasa. Namun sehingga ke hari ini, masih belum terdapat sebuah polisi berbentuk arahan secara khusus menjurus kepada pemberian jaminan terhadap penjagaan kepada golongan yang bermasalah.

Aspek Perawatan

Aspek perawatan merupakan pelaksanaan penyediaan perkhidmatan kerja sosial terhadap individu, keluarga, kelompok, dan masyarakat. Proses rawatan bergantung kepada keperluan klien yang biasanya bermula dengan terapi psikososial sehinggalah kepada pengubahsuaian gelagat, terapi realiti, pelaksanaan saling bertindak, campur tangan dalam krisis serta pendekatan terapi individu, keluarga, dan kelompok. Pekerja sosial bertindak sebagai individu yang menggalakkan klien berupaya untuk memilih jenis rawatan yang mereka inginkan berdasarkan faktor individu dan masyarakat. Selain itu, pekerja sosial juga harus menilai dengan baik segala jenis rawatan yang dipilih oleh klien dan melihat samaada faktor individu dan persekitaran sesuai dengan jenis rawatan yang mereka hendakki itu. Contohnya, seorang bekas penagih memilih untuk terlibat di dalam terapi komuniti sebagai langkah pencegahan penyalahgunaan dadah dan pekerja sosial seharusnya mengkaji samaada masyarakat di kediaman bekas penagih berupaya untuk membantu kepulihan atau tidak.

Aspek Perubahan

Aspek perubahan merupakan penyusunan semula undang-undang dan peraturan yang telah wujud bagi memastikan pekerja sosial lebih prihatin dan responsif terhadap keperluan manusia. Dalam erti kata lain, pekerja sosial seharusnya bukan sahaja menjalankan perkhidmatan kaunseling dan bantuan kewangan tetapi bertindak sebagai agen penggerak kepada perubahan sosial klien yang terlibat. Oleh itu, aspek

pengetahuan sangat dititikberatkan terhadap pekerja sosial kerana mereka mampu untuk melibatkan diri dalam merangka dasar pembangunan sosial negara. Contohnya, pekerja sosial diberikan peluang terlibat dalam pengubalan dasar sosial, kebajikan negara, akta kerja sosial, dan sebagainya demi memastikan aspek pembangunan kebajikan negara dititikberatkan.

Pekerja Sosial dan perbezaan di antara pekerja-pekerja profesion yang lain

Pekerja sosial merupakan individu yang melibatkan diri dalam sebuah aktiviti pekerjaan berbentuk profesional yang mementingkan kepakaran secara teori dan praktikal. Oleh sebab itu, pekerja sosial sangat berbeza dengan pekerja kebajikan kesukarelawanan. Apabila merujuk kepada profesion kebajikan sosial, majoriti pekerja sosial terlibat sebagai pekerja institusi jagaan penghinaan, pentadbiran sosial, pemimpin belia, kakitangan pembangunan komuniti, dan sebagainya. Kelayakan akademik merupakan elemen yang dititikberatkan untuk menjadi seorang pekerja sosial dan majoriti pekerja sosial datangnya daripada graduan sarjana muda kerja sosial di universiti tempatan mahupun antarabangsa. Terdapat juga pekerja sosial yang menjalankan aktiviti berbentuk pemulihan seperti di pusat serenti, mengendalikan masalah keluarga dan individu, dan memperbaiki masalah hubungan kekeluargaan dan komuniti.

Sebagai seorang pekerja sosial yang bertauliah mereka berperanan dalam mencari kaedah untuk menggembeng dan menyelaraskan sumber-sumber komuniti bagi membantu individu-individu dan kumpulan memenuhi keperluan mereka. Contohnya seorang pekerja sosial merancang aktiviti mengumpul dana bersama institusi tempatan dan komuniti bagi membina sebuah pusat tuisyen bagi komuniti yang kurang berkemampuan. Selain itu, pekerja sosial juga turut mengubahsuai pengalaman kerja dalam profesion kerja kes kepada membantu individu-individu yang memerlukan dan berusaha untuk mengaplikasikan hubungan bersemuka ke dalam semua metodologi kerja sosial. Contohnya, seseorang pekerja sosial mempunyai pengalaman menguruskan kes bersama wanita kurang upaya berkenaan isu diskriminasi dalam memohon jawatan pekerjaan telah mengaplikasikan kemahiran itu bersama bekas penagih yang turut menerima diskriminasi dalam pemberian bantuan kebajikan.

Selain itu, pekerja sosial juga bertindak sebagai penggerak kepada klien mereka dalam menentukan mekanisme dan pilihan yang terbaik untuk meningkatkan kualiti hidup mereka. Apabila seseorang klien sudah menentukan pilihan atau mekanisme dalam memulihkan sesuatu perkara maka pekerja sosial akan menilai dan memperhalusi setiap pilihan atau mekanisme yang di ambil. Di samping itu, pekerja sosial juga tidak mempunyai kuasa untuk memaksa klien membuat keputusan. Contohnya pekerja sosial memberikan sokongan dan pemantauan kepada pasangan warga emas untuk menetap di rumah jagaan orang tua memandangkan keadaan kesihatan mereka tidak mengizinkan. Tugas pekerja sosial juga mempunyai pelbagai skop yang luas antaranya mereka berkhidmat dalam kelompok warga emas, kanak-kanak, belia, bekas penjenayah, orang kelainan upaya, dan sebagainya.

■ 2.0 TUJUAN KAJIAN

Kertas kajian ini membincangkan berkenaan isu-isu kritikal terkini kesan daripada penawaran program pendidikan kerja sosial di Malaysia. Kewujudan isu-isu kritikal tersebut berpandukan penyelidikan lepas dan temubual daripada pihak-pihak yang mempunyai pengalaman dalam bidang kerja sosial. Berpandukan isu-isu kritikal ini, penulis mencadangkan beberapa cadangan penambahbaikan untuk mengatasi kewujudan isu tersebut pada masa akan datang.

■ 3.0 METODOLOGI KAJIAN

Tumpuan penyelidikan terhadap pendidikan kerja sosial dikaji melalui beberapa pangkalan data jurnal, seperti Elsevier dan Scopus. Dalam mendapatkan penemuan berkenaan isu-isu kritikal dalam pendidikan kerja sosial, penulis memberi tumpuan kepada penyelidikan terdahulu dan terkini bermula tahun 2005 hingga 2014. Untuk tujuan penyediaan kertas kajian ini, penulis hanya memilih kajian empirikal sahaja. Kemudian, penulis hanya menumpukan terhadap penyelidikan berkaitan isu penawaran kerja sosial di Malaysia sahaja tanpa melibatkan negara lain. Tambahan lagi, penulis menunjukkan terdapat perkaitan di antara isu kritikal yang terjadi dan cadangan penambahbaikan yang dicadangkan. Bidang penyelidikan kerja sosial yang lain seperti kebajikan sosial, jenayah, dan sebagainya tidak berkaitan dengan isu yang diterapkan dalam kertas kajian ini.

■ 4.0 DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Isu- isu kritikal dalam bidang kerja sosial terkini

1. Tiada piawaian pendidikan kerja sosial

Berdasarkan kajian-kajian lepas yang telah diteliti, isu utama yang dikenalpasti adalah tiada piawaian pendidikan kerja sosial di universiti tempatan di Malaysia. Di Amerika Syarikat, England dan Kanada, penetapan piawaian pendidikan kerja sosial telah lama diwujudkan bagi memenuhi keperluan bidang kerja sosial sebagai satu profesion (MacDonald 2010). Menurut Council on Social Work Education (2014), piawaian pendidikan kerja sosial melalui pelaksanaan sistem akreditasi adalah sangat penting bagi memastikan setiap program yang ditawarkan memenuhi piawaian yang telah ditetapkan serta memenuhi keperluan negara. Selain itu, Australia (Australia Association of Social Workers 2012) dan Canada (Canada Association of Social Work Education 2014) juga telah menetapkan piawaian pendidikan kerja sosial. Di Malaysia, piawaian pendidikan kerja sosial dilaksanakan melalui sistem akreditasi yang dilaksanakan oleh Malaysian Qualification Agency (MQA). Akreditasi kurikulum yang dilaksanakan oleh MQA merupakan mekanisme yang diwujudkan oleh kerajaan untuk memberi pengiktirafan kepada kesemua program-program yang ditawarkan oleh institusi pengajian tinggi di Malaysia. Walau

bagaimanapun untuk melayakkan bidang kerja sosial diiktiraf sebagai program profesional di Malaysia, program ini perlu memenuhi piawaian yang ditetapkan oleh badan profesional dalam bidang kerja sosial yang diberikan kuasa perundangan oleh pihak kerajaan. Walaubagaimanapun sehingga kini Malaysia masih lagi tidak mempunyai badan profesional tersebut. Isu ini merupakan isu konkrit yang perlu ditumpukan dan diteliti untuk memastikan wujudnya piawaian pendidikan kerja sosial di Malaysia selaras dengan konsep kerja sosial sebagai sebuah bidang yang profesional. Penetapan piawaian pendidikan kerja sosial penting kerana bidang kerja sosial merupakan bidang profesional yang memerlukan pekerja sosial yang berkemahiran dan pengetahuannya yang tersendiri untuk menjalankan praktis (Cournoyer 2013).

2. Tiada akta kerja sosial

Isu yang kedua adalah kerja sosial di Malaysia tidak mempunyai sebuah akta yang jelas dan khusus untuk memantau penawaran program kerja sosial keseluruhannya. Kerja sosial di Malaysia masih lagi gagal untuk mempunyai akta kerja sosial sebagai kuasa perundangan untuk mengawal selia pembangunan kerja sosial di Malaysia. Menurut MacDonald (2010) sebagai sebuah profesion, kerja sosial perlu mempunyai akta yang khusus bagi menjaga kepentingan profesion. Beliau menjelaskan bahawa akta kerja sosial perlu bersifat menyeluruh yang mencakupi aktiviti praktis dan juga pendidikan. Justeru itu, ketidakupayaan kerajaan membangunkan akta kerja sosial telah menyebabkan pembangunan pendidikan kerja sosial berlaku secara tidak seragam. Universiti-universiti yang menawarkan program kerja sosial telah membangunkan program kerja sosial berdasarkan kepada acuan mereka sendiri. Pada peringkat ini program kerja sosial yang ditawarkan hanya perlu memenuhi piawai Agensi Kelayakan Malaysia. Tanpa dasar dan akta yang jelas pendidikan kerja sosial bukan sahaja gagal untuk memenuhi piawai antarabangsa tetapi menimbulkan kekeliruan masyarakat terhadap profesion yang dilaksanakan ini (Crabtree 2005). Sebagai bidang yang diiktiraf oleh masyarakat antarabangsa, profesion kerja sosial seharusnya mempunyai akta yang bertindak sebagai kuasa perundangan untuk mengawal selia kualiti perkhidmatan dan dalam pada masa yang sama memberi perhatian kepada pembangunan pendidikan kerja sosial. Tanpa akta, pembangunan pendidikan kerja sosial sukar untuk dilaksanakan kerana pendidikan kerja sosial tidak mempunyai garis panduan yang jelas.

3. Ketiadaan jawatan sebagai pekerja sosial

Di Malaysia, tidak dinafikan bahawa kerja sosial merupakan bidang yang baru ditawarkan dan masyarakat kurang memahami akan prospek program pengajian ini. Disebabkan perkara ini, jawatan pekerja sosial tidak ditawarkan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia kepada graduan kerja sosial sehingga hari ini. Keadaan ini amat membimbangkan khususnya kepada bidang kerja sosial kerana graduan yang tidak mendapat pekerjaan sebagai pekerja sosial tidak akan mempraktikkan segala ilmu dan kemahiran kerja sosial apabila mendapat pekerjaan bukan dalam skop perkhidmatan sosial. Melalui permasalahan ini, kerja sosial di Malaysia hanya dilihat sebagai program akademik semata-mata. Tambahan pula sebagai profesion, bidang kerja sosial mengkehendaki pengetahuan dan kemahiran yang spesifik bagi membolehkan seseorang berfungsi sebagai pekerja sosial yang efektif (Zastrow 2014; Gambrell 2012). Di samping itu, terdapat isu utama apabila jawatan skim perkhidmatan sosial yang ditawarkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat menerima graduan yang bukan dalam bidang kerja sosial. Berpandukan temubual bersama Ketua Penolong Pengarah di Bahagian Perancangan dan Pembangunan, Jabatan Kebajikan Masyarakat pada tahun 2018 dalam artikel cabaran dan anjakan perubahan terhadap program pengajian kerja sosial peringkat sarjana muda di universiti awam, beliau menyatakan keadaan ini mempamerkan imej yang tidak sempurna kepada profesion kerja sosial itu sendiri. Beliau turut mempersoalkan bagaimana graduan selain daripada bidang kerja sosial melakukan amalan praktis sedangkan mereka tidak mempunyai kemahiran dalam perkhidmatan sosial. Selain itu, terdapat temu bual yang telah dijalankan bersama ketua profesion pekerja sosial perubatan iaitu Puan Hajjah Hasnah Sulaiman, beliau menyatakan jabatan terpaksa menyediakan peruntukan yang besar untuk melatih semula pegawai-pegawai kerja sosial perubatan yang baru dilantik kerana tidak berupaya untuk melaksanakan kerja-kerja intervensi. Isu ini terjadi kerana dasar yang meluluskan pihak Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) melantik graduan daripada program ijazah sains sosial untuk menjawat jawatan dalam perkhidmatan awam.

4. Isu pendidikan kerja sosial di universiti awam

Selaras dengan seruan oleh kementerian pendidikan dalam menitikberatkan pendidikan tinggi terhadap masyarakat, universiti awam di Malaysia dilihat menggembleng tenaga untuk menawarkan beberapa program pengajian yang terbaik termasuk program kerja sosial. Sehingga ke hari ini, terdapat 6 buah universiti awam iaitu Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Utara Malaysia (UUM), Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), Universiti Malaysia Sabah (UMS), Universiti Sains Malaysia (USM), dan Universiti Sultan Zainal Abidin (UNISZA) yang menawarkan program penuh kerja sosial. Walaubagaimanapun, peningkatan bilangan universiti awam yang menawarkan program kerja sosial yang tidak mempunyai garis panduan pendidikan kerja sosial kebangsaan ataupun global telah menyebabkan wujudnya ketidakseragaman program yang ditawarkan. Kurikulum yang dibangunkan adalah berpandukan pengalaman pensyarah dan syarat minimum yang telah ditetapkan oleh Agensi Kelayakan Malaysia di bawah bidang sains sosial. Sebagai contoh tempoh pengajian bagi program kerja sosial di UKM adalah 3 tahun manakala di UUM pula adalah 4 tahun. Kepelbagaian kurikulum ini menyebabkan masyarakat tidak memahami apakah fungsi tugas bidang kerja sosial yang sebenarnya (Crabtree 2005). Di samping itu, terdapat sebuah laporan kajian yang bertajuk 'Human Resource Development on Social Work: A Study in Malaysia' dan telah menyatakan beberapa isu kritikal yang perlu ditumpukan (Sinnasamy 2006). Hasil daripada laporan kajian tersebut, pensyarah kerja sosial tidak mempunyai kelayakan akademik dalam bidang kerja sosial, pensyarah tidak mempunyai pengalaman praktis, kurikulum yang dibangunkan sepenuhnya berteraskan model dan ideologi Barat serta kekurangan penerbitan ilmiah dalam bidang kerja sosial. Kesan daripada isu ini, pensyarah hanya mengajar berpandukan teori daripada buku teks terbitan negara Barat sedangkan bidang ini sangat bergantung kepada elemen konteks persekitaran sosial budaya masyarakat setempat (Gray & Coates 2010; Kee 2007)

5. Isu kompetensi graduan kerja sosial

Selain daripada isu-isu yang dinyatakan di atas, isu kompetensi graduan kerja sosial juga merupakan isu kritikal yang giat diutarakan. Kompetensi secara operasional pada pandangan penulis adalah persoalan bagaimana graduan kerja sosial hendak bersaing di peringkat tempatan mahupun antarabangsa dengan pengetahuan, ilmu, dan imej kerja sosial yang dimiliki oleh mereka. Oleh itu, dalam mengukuhkan lagi segala pengetahuan, ilmu, dan imej kerja sosial yang dimiliki, elemen-elemen seperti komunikasi dan pengalaman merupakan masalah utama yang melanda graduan kerja sosial kini. Berpandukan temubual bersama Penolong Pengarah Kanan di Bahagian Perancangan dan Pembangunan, Jabatan Kebajikan Masyarakat pada tahun 2018 dalam artikel cabaran dan anjakan perubahan terhadap program pengajian kerja sosial peringkat sarjana muda di universiti awam, beliau menyatakan graduan kerja sosial sangat lemah dalam aspek komunikasi dan kekurangan pengalaman dalam bidang kerja sosial itu sendiri. Menurutnya lagi ketidakupayaan graduan untuk berkomunikasi dengan jelas dalam menerangkan tujuan program kerja sosial diadakan juga sangat merisaukan seolah-olah mereka hanya mempelajari kursus sains sosial sahaja di universiti. Di samping itu, graduan juga sangat lemah dalam berbahasa Inggeris dan etika berkomunikasi dalam menguruskan pengurusan kes sepanjang menjalani latihan industri. Isu pengalaman kerja dalam bidang kerja sosial hebat dibincangkan oleh beliau lagi kerana pengalaman merupakan indikator utama dalam menentukan kualiti perkhidmatan sosial yang dilaksanakan oleh pekerja sosial kelak. Oleh itu, isu komunikasi dan pengalaman merupakan isu kritikal yang melanda graduan kerja sosial yang harus diberikan tumpuan dari semasa ke semasa.

Usaha Dalam Memperkasa Bidang Kerja Sosial di Malaysia

Penubuhan Joint Consultative Council on Social Work Education (JCCSWE)

Alternatif ini dicadangkan oleh penulis berdasarkan isu kritikal yang pertama iaitu ketiadaan piawaian pendidikan kerja sosial di Malaysia. Alternatif ini telah giat didebatkan oleh beberapa pendidik, pentadbir, penggubal polisi dan pengamal kerja sosial terkini yang sering mempersoalkan mengenai kompetensi, selaras dengan tuntutan globalisasi dan pengantarabangsaan bidang kerja sosial. Di Malaysia, Draf Polisi dan Piawaian Kebangsaan Untuk Pendidikan Kerja Sosial di Institusi Pengajian Tinggi Malaysia telah dirangka pada tahun 2000 yang bertujuan menyediakan satu garis panduan pendidikan kerja sosial dan kemudiannya dibentangkan untuk mendapat kelulusan kabinet (JCCSWE 2006). Walau bagaimanapun, setelah hampir 14 tahun masa berlalu sehingga kini Polisi dan Piawai Kebangsaan Untuk Pendidikan Kerja Sosial di Institusi Pengajian Tinggi Malaysia ternyata gagal dibentuk. Perkembangan terbaru mengenai polisi ini menunjukkan bahawa pembentukannya masih jauh kerana masih menunggu garis panduan daripada Malaysian Qualification Agency (MQA) untuk didrafkan semula (MASW 2012). Penulis berpendapat para pendidik, pentadbir, penggubal polisi dan pengamal kerja sosial melihat semula dan memperkemaskan kandungan draf tersebut selaras dengan perkembangan semasa yang telah berlaku dalam bidang kerja sosial. Para pendidik, pentadbir, penggubal polisi dan pengamal kerja sosial seharusnya bertanggapan menubuhkan JCCSWE merupakan satu tanggungjawab demi mewujudkan panduan yang jelas kepada setiap institusi pengajian tinggi yang menawarkan program kerja sosial di Malaysia berjalan lancar. Oleh itu, perkara ini tidak boleh diibaratkan seperti melepaskan batuk di tangga. Networking atau rangkaian meluas bersama para pendidik, pentadbir, penggubal polisi dan pengamal kerja sosial negara luar seperti di Scotland, Sweden, dan United Kingdom harus dipraktikkan untuk melihat segala kelompongan atau elemen penting yang tidak disentuh dalam penubuhan JCCSWE.

Penubuhan akta kerja sosial

Alternatif kedua yang dicadangkan oleh penulis merupakan menyegerakan penubuhan akta kerja sosial di Malaysia. Di Malaysia, ternyata Dasar Sosial Negara merupakan dasar yang telah diluluskan serta menggariskan setiap individu, keluarga dan komuniti tanpa mengira kumpulan etnik, agama, budaya, gender dan fahaman politik serta wilayah dapat memberi sumbangan kepada arus pembangunan negara serta menikmati kesejahteraan hidup secara berterusan. Sesungguhnya jika bergantung kepada pelaksanaan Dasar Sosial Negara tanpa mempunyai akta kerja sosial yang jelas, keadaan ini tidak memberikan sebarang perubahan kepada bidang kerja sosial secara holistik. MacDonald (2010) menegaskan sebagai sebuah profesion, kerja sosial seharusnya mempunyai akta khusus demi menjaga kepentingan profesion. Oleh itu penubuhan akta kerja sosial perlu bersifat menyeluruh yang mencakupi aktiviti praktis dan juga teori. Selain itu, penulis berharap akta kerja sosial juga berupaya bertindak sebagai kuasa perundangan untuk mengawal kualiti perkhidmatan, dan memberi perhatian kepada pembangunan pendidikan kerja sosial. Alternatif penulis ini juga turut disokong oleh Ketua Penolong Pengarah di Bahagian Perancangan dan Pembangunan, Jabatan Kebajikan Masyarakat pada tahun 2018 dalam artikel cabaran dan anjakan perubahan terhadap program pengajian kerja sosial peringkat sarjana muda di universiti awam, di mana beliau menyatakan kerja sosial di Malaysia gagal diragui kewujudannya sekiranya akta kerja sosial diperkenalkan. Tambahan beliau, kewujudan akta kerja sosial menyebabkan kredibiliti bidang kerja sosial tidak boleh dicabar sewenang-wenangnya, imej kerja sosial berupaya untuk bebas daripada istilah kebajikan semata-mata, dan menjadi punca kuasa kepada kerajaan, institusi pengajian tinggi, NGO, serta pekerja sosial untuk melaksanakan tugas perkhidmatan sosial.

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia memperkenalkan jawatan pekerja sosial

Ketiadaan jawatan sebagai pekerja sosial yang ditawarkan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia menyebabkan graduan kerja sosial kekurangan peluang untuk berkhidmat sebagai pekerja sosial. Penulis berpendapat bahawa pihak Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia boleh mempertimbangkan alternatif ini melalui penggubalan perjawatan skim perkhidmatan sosial sedia ada. Penggubalan ini diharapkan dapat menyusun dan mengenalpasti ruang-ruang perjawatan sosial secara berperingkat yang boleh dikategorikan sebagai jawatan pekerja sosial. Melalui alternatif ini, penulis menganggarkan pelajar kerja sosial mendapat peluang pekerjaan sebagai pekerja sosial walaupun bukan keseluruhannya dan masing-masing gigih menyiapkan diri mereka dengan ilmu serta kemahiran untuk memohon

jawatan ini kelak. Menurut Persatuan Pekerja Sosial Malaysia hanya 10 % sahaja pelajar kerja sosial mendapat pekerjaan di dalam bidang kerja sosial. Keadaan ini dapat diubah dan dikawal melalui alternatif yang dicadangkan ini. Di samping itu, agensi sosial seperti JKM, AADK, Penjara, Jaqoa, dan sebagainya harus memperketatkan kelulusan kerja sosial sebagai kelulusan utama dalam memohon perjawatan sebagai pekerja sosial dan pegawai pembangunan sosial.

Penyelarasan kurikulum pendidikan kerja sosial yang seragam

Penyelarasan kurikulum pendidikan kerja sosial yang seragam merupakan cadangan dalam memperkasakan pendidikan kerja sosial di Malaysia. Cadangan ini merupakan langkah dalam membentuk acuan bidang kerja sosial di Malaysia dalam memenuhi konsep *indigenization* supaya tidak terikat dengan acuan negara barat terutama dalam aspek pendidikan. Pelbagai permasalahan telah wujud di antara universiti-universiti seperti tempoh pengajian yang tidak sama, jumlah kredit untuk bergraduasi, tempoh latihan industri, kursus yang tidak sama ditawarkan, dan sebagainya. Oleh itu, seharusnya pihak pendidik, pentadbir, penggubal polisi, dan pengamal kerja sosial bersepakat untuk memastikan elemen-elemen seperti tempoh pengajian, jumlah kredit untuk bergraduasi, tempoh latihan industri, penawaran kursus, kursus kemahiran tambahan untuk pensyarah, dan sebagainya dilaksanakan dalam kurikulum yang sama. Sudah tentu proses ini akan mengambil masa yang lama dan memerlukan penelitian yang lengkap sebelum membangunkan kurikulum yang sama. Secara langsung kurikulum kerja sosial yang selari memberi keyakinan kepada pihak berkaitan untuk menyokong pembangunan akta kerja sosial yang sempurna. Di samping itu, para pensyarah kerja sosial juga seharusnya mengemaskini dan menambahbaik teknik pengajaran serta pembelajaran supaya mereka berupaya untuk menyampaikan kandungan kursus dengan baik. Kursus kemahiran tambahan untuk pensyarah di mana setiap pensyarah kerja sosial perlu mengendalikan kes-kes sosial dan menguasai pelbagai kemahiran praktikal harus dilaksanakan. Perkara ini dicadangkan agar para pensyarah tidak terikat dengan ilmu dan teori dari barat semata-mata malah berupaya untuk mengaplikasikan segala kemahiran dan pengalaman dari kursus tersebut dalam pengajaran dan pembelajaran.

Penjenamaan semula (rebranding) modul soft skill terhadap pelajar

Komunikasi dan kekurangan pengalaman dalam bidang kerja sosial merupakan masalah berkaitan elemen soft skill yang digariskan oleh penulis berkenaan isu kompetensi pelajar kerja sosial. Walaupun modul kemahiran insaniah atau soft skill telah lama diwujudkan di universiti tempatan dan swasta tetapi kesan pelaksanaannya tetap berada di tahap yang sederhana. Bidang kerja sosial yang menuntut seseorang pekerja sosial itu seperti berpengetahuan, berilmu, berkemahiran, dan berketerampilan tidak lengkap tanpa elemen komunikasi di dalamnya. Oleh itu, para pensyarah kerja sosial khususnya boleh mencadangkan satu modul atau kursus kemahiran khas kerja sosial terhadap semua pelajar kerja sosial di setiap semester. Modul atau kursus ini perlulah menitikberatkan kepada kemahiran lisan, interaksi, penguasaan bahasa inggeris dan bahasa asing, dan sebagainya. Para graduan kerja sosial yang telah mendapat pekerjaan dalam skim perkhidmatan sosial boleh diundang untuk menjadi tenaga pengajar dalam memantapkan kemahiran bakal graduan kerja sosial. Selain itu, aspek pengalaman dalam bidang kerja sosial seharusnya ditingkatkan melalui peningkatan jumlah jam latihan industri, tugasan kursus yang bersifat praktikal, pertukaran pelajar kerja sosial, dan penawaran sebagai pekerja sambilan harian di agensi-agensi sosial kepada pelajar ketika musim cuti semester. Langkah-langkah ini seharusnya dipraktikkan terhadap pelajar kerja sosial kerana mereka wajar diberikan pelbagai pengalaman ketika berada di alam pengajian. Keadaan ini memberikan keyakinan yang mantap kepada graduan dalam melakukan aktiviti praktikal ketika berada dalam perjawatan kelak. Isu komunikasi dan pengalaman seharusnya boleh diminimumkan sekiranya pelbagai pihak seperti pendidik, pentadbir, penggubal polisi, dan pengamal kerja sosial mempunyai hubungan yang rapat serta menyokong aktiviti ini dari semasa ke semasa.

■ 5.0 KESIMPULAN

Kesimpulannya, berdasarkan tajuk utama artikel ini iaitu “Profesion Kerja Sosial di Malaysia: Satu Penilaian Kritikal”, penulis telah meneliti beberapa isu kritikal yang berlaku dalam bidang kerja sosial di Malaysia. Penulis menggariskan isu ketiadaan piawaian pendidikan kerja sosial, ketiadaan akta kerja sosial, ketiadaan jawatan sebagai pekerja sosial oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia, isu pendidikan kerja sosial di universiti awam, dan isu kompetensi graduan kerja sosial. Manakala penulis telah mencadangkan rangkaian alternatif seperti penubuhan Joint Consultative Council on Social Work Education (JCCSWE), Penubuhan akta kerja sosial, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia memperkenalkan jawatan pekerja sosial, penyelarasan kurikulum pendidikan kerja sosial yang seragam, dan penjenamaan semula (rebranding) modul soft skill terhadap pelajar sebagai usaha dalam memperkasakan bidang kerja sosial di Malaysia. Pelbagai pihak seperti pendidik, pentadbir, penggubal polisi, dan pengamal kerja sosial seharusnya mempunyai perhubungan yang kuat di antara mereka seterusnya mengambil segala isu dan cadangan sebagai tanggungjawab dalam memperkasakan bidang kerja sosial di Malaysia. Jadual 1 di bawah menunjukkan ringkasan segala isu dan permasalahan yang telah dinyatakan oleh penulis.

Jadual 1

Isu	Cadangan
Ketiadaan piawaian pendidikan kerja sosial	Penubuhan Joint Consultative Council on Social Work Education (JCCSWE)
Ketiadaan akta kerja sosial	Penubuhan akta kerja sosial
Ketiadaan jawatan sebagai pekerja sosial	Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia memperkenalkan jawatan pekerja sosial,
Isu pendidikan kerja sosial di universiti awam	Penyelarasan kurikulum pendidikan kerja sosial yang seragam
Isu kompetensi graduan kerja sosial	Penjenamaan semula (<i>rebranding</i>) modul <i>soft skill</i> terhadap pelajar turut dinyatakan

■ 6.0 RUJUKAN

- Aronson, J., & Smith, K. (2011). Identity work and critical social service management: Balancing on atightrope?. *British Journal of Social Work*, 41(3), 432-448.
- Bay, E. (2011). Mild traumatic brain injury: a midwest survey about the assessment and documentation practices of emergency department nurses. *Advanced emergency nursing journal*, 33(1), 71-83.
- Butler, J. (2013). *Excitable speech: A politics of the performative*. Routledge.
- Cournoyer, B. R. (2013). *The Social Work Skills Workbook*. Belmont: Brooks/Cole Cengage Learning.
- Crabtree, A. S. (2005). Medical social work in Malaysia: Issues in practice. *International Social Work* 48(6): 732-741.
- Dominelli, L. (1996). Human rights in social work practice. *Challenges in human rights: A social work perspective*, 16.
- Evetts, J. (2013). Professionalism: Value and ideology. *Current Sociology*, 61(5-6), 778-796.
- Gambrill, E. (2012). *Social work practice: A critical thinker's guide*. Oxford University Press.
- Gray, M. & Coates, J. (2010). Indigenization` and knowledge development: Extending the debate. *International Social Work* 53(5): 613-627.
- Jones, D. N., & Truell, R. (2012). The Global Agenda for Social Work and Social Development: A place to link together and be effective in a globalized world. *International Social Work*, 55(4), 454-472.
- Kee, L. H. (2007). *Indigenising Social Work: Research and Practice in Sarawak*. Petaling Jaya: Strategic Information and Research Development Centre.
- MacDonald, A. (2010). *Globalization and the regulation of social work practice in Canada*. (PhD Thesis, University of Calgary). <http://search.proquest.com.ezproxy.library.uq.edu.au/docview/847542526/> [3 Jun 2013]
- Robinson, K. (2013). Voices from the front line: Social work with refugees and asylum seekers in Australia and the UK. *British Journal of social work*, 44(6), 1602-1620.
- Saparin, N. H. B. (2014). Malay Muslim Worldviews: Some thoughts for social work practice in Singapore. *Journal of Religion & Spirituality in Social Work: Social Thought*, 33(1), 73-94.
- Sinnasamy, M. (2006). *Human resource development on social work: A study in Malaysia*. Kerta Kerja Siri WP-2006-01-E, Persatuan Pekerja Sosial Malaysia. Kuala Lumpur: MASW.
- Smith, J. A. (2003). Reflecting on the development of interpretative phenomenological analysis and its contribution to qualitative research in psychology. *Qualitative research in psychology*, 1(1), 39-54.
- Syamsuddin, S., & Azman, A. (2012). Memahami Dimensi Spiritualitas dalam Praktek Pekerjaan Sosial. *Sosio Informa*.
- West, D., & Heath, D. (2011). Theoretical pathways to the future: Globalization, ICT and social work theory and practice. *Journal of Social Work*, 11(2), 209-221.
- Zastrow, C. (2014). *Brooks/Cole Empowerment Series: Introduction to Social Work and Social Welfare*. Cengage Learning.